

TAKLIMAT KEBAJIKAN CAWANGAN PERKHIDMATAN DAN JHEV ATM

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/3405-taklimat-kebajikan-cawangan-perkhidmatan-dan-jhev-atm

PUCHONG, 26 Apr 18 - Markas Tentera Udara - Bahagian Tadbir, Cawangan Perkhidmatan telah menganjurkan gabungan taklimat kebajikan bersama JHEV ATM kepada anggota dan ahli BAKAT INSMAT.

Taklimat dari Markas Tentera Udara - Bahagian Tadbir, Cawangan Perkhidmatan telah disampaikan oleh PS 2 Pendidikan, Mej Erina Tricia Gregory dan PS 2 Kebajikan, Mej Siti Norfadilah binti Omar TUDM.

Sementara taklimat dari pihak JHEV pula disampaikan oleh Penolong Pengarah 1, Bahagian Pencen JHEV ATM, Mej Abdul Rahim bin Musa dan Penolong Pengarah JHEV Cawangan Selangor/WP Kuala Lumpur, Kapt Mohd Shahrizal bin Mohd Khalid TUDM.

Intipati taklimat merangkumi produk kebajikan ATM termasuk produk pendidikan dan faedah persaraan yang diperolehi oleh pegawai dan anggota LLP setelah menamatkan perkhidmatan. Selain itu, maklumat faedah persaraan yang diterima oleh waris jika pasangan meninggal dunia akibat tugas/tidak diperkaitkan dengan tugas juga turut dikongsi oleh pihak JHEV.

